

# Perdana Menteri lancar EON TrailWagon

JUN 19 JUN 2007

KUALA LUMPUR 18

Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan EON TrailWagon iaitu kenderaan barangan pelbagai guna keluaran terbaru Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Pelancaran kenderaan itu diadakan sempena Ekspo Nasional Usahawan Pemuda Bumi-putera anjuran Biro Ekonomi Pergerakan Pemuda UMNO.

Perdana Menteri yang diringi oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein menghabiskan masa kira-kira sejam melawat ekspo tersebut yang akan berlangsung selama lima hari sepanjang Perhimpunan Agung UMNO.

Sementara itu, Pengarah Urusan EON, Datuk Adzmi Abdul Wahab berkata, TrailWagon amat sesuai digunakan oleh semua pihak bagi kegunaan peribadi mahu pun komersial.

“TrailWagon dilihat sebagai pilihan terbaik bagi pengangkutan di kelab-kelab golf, bagasi, peralatan kejuruteraan, bahan-bahan pembinaan dan pertanian,” katanya.

Menurut Adzmi, seba-

nyak 200 unit TrailWagon sedia untuk dijual melalui pusat-pusat jualannya yang terdapat di seluruh negara.

Beliau menjelaskan bahawa TrailWagon hanya sesuai untuk digunakan bagi kenderaan yang mempunyai keupayaan enjin sekurang-kurangnya 1500 cc.

Harga yang ditawarkan untuk setiap sebuah

EON TrailWagon ialah antara RM8,301.65 hingga RM13,356.40. Ia termasuk bayaran pendaftaran, cukai jalan dan insurans.

Sementara itu Setiausaha Biro Ekonomi Pemuda UMNO, Rais Abu Hassan memberitahu, ekspo itu antara lain diadakan untuk mengetengahkan usahawan dalam bidang pembuatan dan

memperkenalkan produk mereka secara menyeluruh.

Katanya, seramai 63 usahawan menyertai ekspo itu yang julung-julung kali diadakan.

“Kami menjangkakan ekspo yang berlangsung sehingga 22 Jun ini akan mampu menarik 30,000 pengunjung,” katanya.